

Newspaper	EraBaru
Date	29/4/2011

4 • 29 APRIL 2011 / 25 JAMADILAWWAL 1432 H

ERA BARU

SALEHA MOHD ALI Pembaca Setia *Era Baru* Pulang Ke Rahmatullah

SEORANG lagi veteran UMNO dan pembaca setia akhbar **ERA BARU** sejak ia ditubuhkan pada 1994, Tan Sri Dato' Paduka (Dr.) Hajjah Saleha binti Mohd Ali, 88 tahun, telah menghembuskan nafas terakhirnya di **Hospital Besar, Kuala Lumpur**, pada **22 Mac jam 5.30 petang**.

Allahyarhamah dimasukkan ke hospital tersebut sebulan sebelum itu untuk

mendapatkan rawatan bagi penyakit uterin yang dihidapi beliau. Hadir disisi allahyarhamah ialah anak-anak beliau dan juga adiknya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali iaitu isteri kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Tun Dr. Mahathir tidak hadir sama kerana telah berlepas ke luar negara sehari sebelum itu.

Jenazah allahyarhamah telah dibawa ke **Masjid Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya**, untuk dimandi dan dikafankan sebelum dibawa ke kediamannya di Petaling Jaya jam 11 malam dan disemadikan keesokan harinya sebelum solat Zohor, di **Tanah Perkuburan Islam di Bukit Kiara**.

Saya sudah mengenali allahyarhamah lebih dari **20 tahun**, terutama sekali apabila beliau menjadi pembaca setia kepada akhbar **ERA BARU**.

Beliau sungguh minat dengan akhbar ini yang dianggapnya sebagai sebuah akhbar yang berani mengkritik dan memaparkan berita-berita benar dan positif untuk menyedarkan pembaca terutama sekali orang Melayu kepada tanggungjawab mereka terhadap agama, bangsa dan tanah air.

Dalam hal ini beliau kerap kali memberi **ERA BARU 29/4/2011 • LIHAT MUKA SEBELAH**



Kakak Leha gembira melihat gambar lama Tun Dr. Mahathir dan Tun Dr. Siti Hasmah yang dirakamkan di kediaman penulis pada 1970, di Ampang Jaya di majlis makan malam.



Penulis diapit oleh kakak Leha dan Pak Khir. Kakak Leha dan Pak Khir mempunyai tarikh hari lahir dan tahun yang sama, tetapi waktu yang berbeza.



Gambar terakhir penulis bersalaman dan mengucapkan terima kasih kepada Kakak Leha selepas majlis makan tengah hari.



Penulis dan isteri ketika berkunjung dan bertanya khabar kepada Kakak Leha di kediamannya setahun yang lalu.

Jadris Tulis
MENULIS



semangat dan menggalakkan saya supaya meneruskan perjuangan saya untuk membela nasib orang Melayu di Tanah Melayu yang tercinta

ini. Walaupun allahyarhamah kerap kali dimasukkan ke hospital untuk mendapatkan



Gambar kenangan yang dirakamkan pada 5 Julai, 2006, di kediaman penulis ketika diadakan majlis makan tengah hari untuk 3 veteran UMNO yang telah banyak menyumbang kepada bangsa dan tanah air sejak sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan lagi. Duduk dari kiri Tun (Dr.) Hjh Fatimah Hashim; Tan Sri (Dr.) Saleha Mohd Ali dan Tan Sri Mohamad Khir Johari. Berdiri di belakang ialah penulis, 3 orang anaknya Fouad Adam, Rizal Shah, Mohamed Rafiq. Yang duduk diantara kakak Leha dan Pak Khir ialah Datin Ramlah, isteri kepada penulis dan berdiri di belakang Pak Khir pula ialah Puan Sri Christine Abdullah, isteri Pak Khir.